

**Muhyiddin Tiba Di Pulau Pinang Untuk Lawatan Kerja Sehari
Bernama
26 April , 2012**

GEORGE TOWN, 26 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, di sini hari ini bagi memulakan lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang.

Muhyiddin yang menaiki pesawat khas tiba pada pukul 8.50 pagi dan disambut oleh Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Zainal Abidin Osman dan pemimpin-pemimpin parti komponen BN Pulau Pinang.

Timbalan perdana menteri dijadual bertemu lebih 5,000 anggota perkhidmatan awam pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bersama Timbalan Perdana Menteri di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini.

Beliau juga dijadual makan tengah hari pada 'Jamuan Rakyat' bersama lebih 7,000 penduduk kawasan Bayan Baru, persatuan-persatuan nelayan dan peladang di Persiaran Mahsuri, Bayan Baru.

Muhyiddin juga akan merasmikan My Carnival NGO 1Malaysia anjuran Persatuan Kemajuan Insan Malaysia (Kesan) di Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh dekat sini serta melancarkan lagu ciptaan komposer Datuk Wah Idris 'U I Believe'.

Beliau kemudian akan menghadiri majlis Sepetang Bersama Penduduk Parlimen Batu Kawan di tapak pasar malam perkampungan Juru dan menyampaikan bantuan BR1M kepada penduduk pelbagai kaum di kawasan berkenaan sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661899>